

Radio Malaysia Sabah dan Radio Brunei Darussalam: Satu Tinjauan Format Penerbitan dan Siaran

Mahat Jamal

Radio Malaysia Sabah dan Radio Brunei Darussalam merupakan stesen radio awam berperanan sebagai media komunikasi rasmi kerajaan. Dimensi tujahan utama kedua-dua stesen ini termasuklah mempromosi dan membuat liputan dasar, program dan aktiviti-aktiviti kerajaan khususnya dalam bidang sosio-ekonomi, budaya dan perpaduan selaras dengan aspirasi visi negara masing-masing. Makalah ini menyingkap kaedah format penerbitan dan siaran Radio Malaysia Sabah dan Radio Brunei Darussalam dalam mengartikulasikan strategi meuar-uar, mempromosi dan membuat liputan Wawasan 2020 untuk Sabah Malaysia dan Wawasan 2035 bagi Negara Brunei Darussalam. Lima saluran Radio Malaysia Sabah menggalas tanggungjawab sebagai pemangkin liputan Wawasan 2020 di mana Malaysia berhasrat muncul sebagai negara maju berpendapatan tinggi mengikut acuan sendiri menjelang tahun 2020. Negara Brunei Darussalam juga menggunakan lima saluran radio sebagai wadah liputan Wawasan Brunei 2035 berkonsepkan Melayu Islam Beraja (MIB) di mana menjelang tahun 2035 Negara Brunei Darussalam berhasrat dapat menghasilkan modal insan berpendidikan, berkemahiran tinggi, ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan. Data diperolehi melalui kajian perpustakaan, soroton literatur dan analisis kandungan jadual siaran kedua-dua stesen. Dapatan menunjukkan banyak persamaan rangkaian strategi ke atas format penerbitan dan siaran mesej pembangunan negara di samping beberapa perbezaan dari segi niche audiens yang menjadi faktor dominan saluran radio berdasarkan falsafah penyiaran negara masing-masing.

Kata Kunci: Radio Malaysia Sabah, Radio Brunei Darussalam, Wawasan 2020, Wawasan Brunei 2035, Rukun Negara, Melayu Islam Beraja.

Pengenalan

Menggunakan siaran radio sebagai senjata meningkatkan kefahaman terhadap perpaduan dan pembinaan negara bangsa bukan sesuatu yang baru. Sinaro ini wujud sejak bermulanya radio sebagai alat komunikasi awam. Walaupun kemajuan pesat teknologi komunikasi dan penggunaan aktif media sosial masakini terserlah, namun pengaruh radio masih relevan dan meluas. Dalam negara-negara maju, radio digunakan sebagai instrumen memperoleh informasi dan hiburan namun bagi negara-negara kurang membangun dan

yang sedang membangun, radio berfungsi sebagai salah satu saluran terbaik untuk mendedahkan maklumat kepada masyarakat (Schramm, 1964).

Sifat radio yang mampu milik, mudah alih, senang dibawa ke mana-mana (Robert McLeish, 2002) mewajarkannya sebagai media pilihan utama memperoleh berita, maklumat dan hiburan. Ini dibantu dengan keupayaannya menyebarkan maklumat dengan pantas, tidak memerlukan bekalan elektrik tinggi dan ketersampaian mesejnya kepada kesemua masyarakat, termasuk golongan buta huruf (Maesseneer, 1986). Sementara siaran radio masakini boleh diakses melalui telefon pintar dan internet mewajarkan kerelevanan evolusinya lebih mesra pengguna.

Radio juga dianggap sebagai pemangkin utama membawa perubahan politik, ekonomi dan sosial sesebuah masyarakat (Singhal dan Rogers, 1999) di samping menjana perkembangan ilmu pembangunan bagi meningkatkan kebajikan mereka (Chambers, 2005; Melkote dan Steeves, 2001; Quebral, 1988; Servaes, 2008; Tufte dan Mefalopulos, 2009).

Peranan radio dalam komunikasi pembangunan merujuk kepada program diterbitkan untuk masyarakat luar bandar. Bagaimanapun sejak tahun 1980an, radio untuk pembangunan meneroka peluang baharu dengan penubuhan radio-radio tempatan untuk liputan komuniti yang lebih bersifat lokal (Ilboudo, 2003). Dalam pada itu, konsep luar bandar (*rural*) telah ditafsir semula para sarjana dan penyelidik sebagai situasi ekonomi dibandingkan dengan keadaan geografi sesuatu tempat (Karayenga, 1997).

Kaedah komunikasi lisan dalam penyampaian sembang radio masakini, dilihat sebagai satu kekuatan bagi menarik perhatian dan penerimaan masyarakat awam terhadap sesuatu isu yang disampaikan. Dalam menerbitkan siaran radio pelbagai format digunakan untuk menyampaikan mesej dengan menarik seperti dalam bentuk majalah, rencana, temubual, forum, perbualan, drama dan kapsul (Nawiyah Che Lah, 1986). Ia juga adalah selaras dengan falsafah yang berfungsi memberi pengetahuan di samping menghibur (Nordin Salleh, 1985).

Matlamat Kajian

Mengenalpasti kaedah format penerbitan Radio Malaysia Sabah dan Radio Brunei Darussalam dalam menuar-uar, mempromosi dan liputan wawasan negara masing-masing. Melihat persamaan dan perbezaan pendekatan format siaran Radio Malaysia Sabah dan Radio Negara Brunei Darussalam.

Kaedah Kajian

Data diperolehi melalui kajian perpustakaan, sorotan literatur dan analisis kandungan siaran Radio Malaysia Sabah dan Radio Brunei Darussalam dengan mengikuti kedua-dua siaran dalam tempoh tiga bulan (Mac – Mei 2015). Radio Malaysia Sabah diikuti melalui siaran *terestaria*/ sementara Radio Brunei Darussalam melalui radio internet.

Radio Televisyen Malaysia (RTM)

Sejarah Radio Malaysia bermula dengan siaran Radio Malaya di Singapura pada 1 April 1946 kemudian berpindah ke Jalan Young (kini Jalan Cenderasari) Kuala Lumpur pada awal 1950-an dan ke Rumah Pesekutuan pada 1956 sebelum berpindah ke bangunan tetapnya di Angkasapuri pada tahun 1968 di mana perkhidmatan radio dan televisyen bergabung atas nama Jabatan Penyiaran Malaysia di bawah Kementerian Penerangan Malaysia. Sebutan Radio Malaya digunakan sejak penubuhannya ditukar menjadi Radio Malaysia pada 16 September 1963 sempena pembentukan Malaysia.

Antara peranan dan tanggungjawab RTM adalah untuk (1) Menerangkan secara mendalam dasar dan rancangan kerajaan dengan mengadakan liputan yang seluas-luasnya bagi membolehkan rakyat memahami dengan tepat dasar-dasar dan rancangan-rancangan kerajaan; (2) Menggalakkan perhatian rakyat dan cara mereka berfikir bagi melahirkan perubahan sikap yang sejajar dengan kehendak dan dasar-dasar kerajaan; (3) Membantu mewujudkan perpaduan kebangsaan melalui Bahasa Malaysia dan memupuk satu kebudayaan nasional di kalangan masyarakat berbilang kaum dan (4) Mengadakan bahan-bahan yang sesuai untuk ilmu pengetahuan am, penerangan am dan hiburan (Jaafar Kamin, 1979).

Kini RTM mempunyai tiga rangkaian televisyen (TV 1, TV 2 & TVi) dan 32 stesen radio. Empat saluran radio (Klasik FM, Nasional FM, Traxx FM & Ai FM) yang berpusat di Angkasapuri siarannya meliputi ke seantero negara. Dua lagi rangkaian, Minal FM and Asyik FM hanya dapat diikuti di Semenanjung Malaysia sahaja kerana audiensnya terumpu kepada kaum India dan Orang Asli sahaja. Sementara itu, setiap negeri dilengkapi satu stesen masing-masing kecuali Sabah mempunyai 5 saluran (Sabah FM, Sabah V FM, Sandakan FM, Tawau FM & Keningau FM); Sarawak 7 saluran (Sarawak FM, Red FM, Wai FM, Sibu FM, Limbang FM, Miri FM & RASA FM) dan Kedah, 2 stesen (Kedah FM & Langkawi FM). Muzik FM yang dahulunya disiarkan secara *terestaria*/ kini hanya boleh diikuti melalui internet dan *mobile streaming*.

Radio Malaysia Sabah

Sejarah siaran Radio Sabah pula bermula secara rasminya setelah dilancarkan serentak bersama bangunan sementara di Bukit Brace (Bukit Bendera) berhampiran menara jam di Jesselton (kini Kota Kinabalu) oleh Sir Roland Turnbull (Gabnor Borneo Utara ketika itu) pada 9 November 1955. Selepas perasmian, siarannya dimulakan dengan hebahan "Inilah Radio Sabah" bermula di sebelah petang dalam 4 bahasa - Inggeris, Melayu, Cina dan Kadazan.

Sebutan pengenalan stesen "Inilah Radio Sabah" oleh Juruhebah bertugas bertukar kepada "Inilah Radio Malaysia Sabah" pada 16 September 1963 sempena pembentukan Malaysia dalam satu siaran langsung khas. Kini Radio Malaysia Sabah mempunyai 5 saluran - Sabah FM (*Tag Line* - Bagus Bah) dan Sabah VFM (*Tag Line* - *Your Variety Channel*) bersiaran 24 jam sehari beroperasi dari Kota Kinabalu dan 3 saluran radio tempatan - Sandakan FM (*Tag Line* - Bersama mu) dan Tawau FM (*Tag Line* - Stesen Pilihan Anda) bersiaran 12 jam sehari, sementara Keningau FM (*Tag Line* - Hebat Syoknya), 10 jam sehari.

Sabah FM sebagai tonggak utama Radio Malaysia Sabah bersiaran dalam enam segmen - Segar Sabah fm (0600-1000); Ekspresi Sabahfm (1000-1200); Bah NgamlahTu (1600-1800); Simfoni Sabahfm (1800-2100; Varia Sabahfm (2100-0000) dan Siaran Automasi (0000-0600) seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Sabah FM

| Segmen | Masa | Pendengar Sasar | Pengisian |
|------------------|-----------|--------------------------|-----------------------------------------------|
| Segar Sabahfm | 0600-1000 | Umum | Berita, informasi & hiburan |
| Ekspresi Sabahfm | 1000-1400 | Suri rumah/Umum | Berita, informasi & hiburan |
| Bah NgamlahTu | 1400-1800 | Umum/ Peladang/Petani | Berita, informasi & hiburan (Loghat Sabah) |
| Simfoni Sabahfm | 1800-2100 | Umum/Wanita | Kebudayaan & agama |
| Varia Sabahfm | 2100-0000 | Umum/Belia | Berita, informasi & hiburan |
| Siaran Automasi* | 0000-0600 | Umum/PekerjaSyif/Pelajar | Informasi & hiburan |

*Siaran automasi dikendalikan sistem komputer tanpa DJ.

Sabah V FM pula menyiarkan siaran pelbagai bahasa seperti Kadazan (0430-0900); Mandarin (0900-1200); English (1200-1500); Bajau Pantai Barat (1500-1800 & 0400-0430); Bajau Pantai Timur (1800-1900); Murut (1900-2100 & 0300-0400) dan Dusun (2100-0100). Jadual siaran Sabah V FM tertera dalam Jadual 2.

Jadual 2: Sabah VFM

| Bahasa | Waktu | Jumlah Jam | Pengisian |
|----------|-------------------------|------------|-------------------------------------------------------------------|
| Inggeris | 0100-0300* 1200-1500 | 5 | Berita, Maklumat & Hiburan |
| Murut | 0300-0400* 1900-2100 | 3 | Berita, Maklumat & Hiburan |
| Dusun | 0000-0100* 2100-0000 | 4 | Berita, Maklumat & Hiburan |
| Bajau | 0400-0430* 1500-1900 | 4½ | 1500-1800 (Bajau Pantai Barat) 1800-1700 (Bajau Pantai Timur) |
| Kadazan | 0430-0600* 0600-0900 | 4½ | Berita, Maklumat & Hiburan |
| Cina | 0900-1200 | 3 | Berita, Maklumat & Hiburan |

* Siaran automasi dikendalikan sistem komputer tanpa DJ.

Siaran stesen-stesen daerah meliputi daerah-daerah Sandakan, Tawau dan Keningau seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3: Stesen-Stesen Daerah

| Radio | Masa/Segmen | Pengisian |
|----------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------|
| Sandakan FM (12 jam) | 0700-1100 (Evolusi Pagi) 1100-1500 (Zoom Sandakan FM) 1500-1900 (Jom Santai) | Informasi, Berita, Ehwal Semasa & Hiburan |
| Tawau FM (12 jam) | 0700-1100 (Rentak Pagi) 1100-1500 (Syok Layan) 1500-1900 (Ritma Petang) | Informasi, Berita, Ehwal Semasa & Hiburan |
| Keningau FM (10 jam) | 0700-1000 (Rentak Segar-Bahasa Melayu) 1000-1200 (Inforia -Dusun) 1200-1400 (Inforia -Murut) 1400-1900 (Santai Petang -Bahasa Melayu) | Informasi, Berita, Ehwal Semasa & Hiburan |

Program-program terbitan Radio Malaysia Sabah mensasarkan penduduk Sabah (3.12 juta) yang terdiri daripada Kadazan/Dusun (17.8%), Bajau (14%), Murut (3.22%), Melayu Brunei (5.7%), Bumiputera lain (20.56%), Cina (9.11%) dan pelancong (27.81%) (Jabatan Perangkaan, 2010). Liputan Radio Malaysia Sabah terhadap penduduk ialah 85% sementara liputan kawasan, 80% (Jabatan Penyiaran Sabah, 2013).

Wawasan 2020

Antara fungsi utama Radio Malaysia Sabah, selain hiburan adalah untuk menuar-uar, mempromosi dan membuat liputan dasar-dasar kerajaan termasuklah *Wawasan 2020* telah diilhamkan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia, Dr. Mahathir bin Mohamad pada 1991 di mana menjelang tahun 2020 Malaysia berhasrat mencapai status negara maju berpendapatan tinggi mengikut acuan sendiri. Namun demikian, 9 cabaran perlu diharungi

dan diatasi sebelum mencapai kejayaan iaitu untuk (1) Membina bangsa Malaysia yang bersatu padu; (2) Membina masyarakat berjiwa bebas, tenteram dan berkeyakinan; (3) Memupuk dan membina masyarakat demokratik yang matang; (4) Mewujudkan sebuah masyarakat yang bermoral dan beretika; (5) Mewujudkan masyarakat yang matang, liberal dan toleransi; (6) Membina masyarakat yang maju dan saintifik; (7) Mewujudkan masyarakat penyayang dan budaya penyayang; (8) Menjamin sebuah masyarakat yang adil dan saksama ekonominya dan (9) Mewujudkan masyarakat makmur yang mempunyai ekonomi bersaing, dinamik, giat dan kental.

Dalam menuju ke destinasi Wawasan 2020, pelbagai formula dibina sebagai pemangkin mencapai hasrat murni kerajaan termasuklah (1) Program Transformasi Kerajaan (PTK) yang menekankan pelaksanaan sistem penyampaian efektif kerajaan; (2) Program Transformasi Ekonomi (PTE), pemacu negara berpendapatan tinggi dengan fokus 12 bidang ekonomi utama negara (NKEA) dan (3) Konsep 1Malaysia yang menumpukan jurusan dua aspek utama - penerapan teras-teras perpaduan dan penerapan nilai-nilai aspirasi (Rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan). Kesemua dasar ini perlu diuar-uarkan melalui RTM, khususnya saluran radio bagi menimbulkan kesedaran dan sokongan masyarakat terhadap Wawasan 2020.

Radio Televisyen Brunei (RTB)

Radio Brunei Darussalam

Sama seperti Radio Malaysia, peranan Radio Brunei Darussalam disamping menghibur, mendidik dan memberikan informasi, juga sebagai wadah mengutarakan dasar-dasar kerajaan dengan menuar-uar, mempromosi dan liputan Wawasan Brunei 2035 bagi merealisasikan hasrat Negara Brunei Darussalam menjadi di antara 10 negara teratas di dunia dalam pencapaian pendapatan perkapita dan bidang pendidikan. Diletakkan di bawah Pejabat Perdana Menteri (PMO) siaran pertama radio Brunei Darussalam bermula 2 Mei 1957 dan kini mempunyai lima stesen radio terdiri daripada Nasional FM (*Tag line* - Sentiasa Bersama Biskita); Pelangi FM (*Tag line* - Penghibur Pengerak Minda); Pilihan FM (*Tag line* - *Simply Your Choice*), Harmoni FM (*Tag line* - *Stesen Keluarga dan Sukan Awda*) dan Nur Islam FM (*Tag line* - Wadah Tarbiah Insani) seperti dalam ringkasan Jadual 4.

Jadual 4: Radio Negara Brunei Darussalam

| Radio | Pengisian | Catatan |
|------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Nasional FM (FM 932.3 Mhz & 93.8 Mhz) | Hiburan, berita dan informasi mengenai sosio- ekonomi, komuniti, agama, kebudayaan dan nasionalisme | - Ditubuhkan 2 Mei 1957 - Segmen: Ekpresi Pagi (0700-1000); Inspirasi (1000-1400); Serambi Petang (1400-1700) Variasi (1700-2100) Ritma Malam (2100-000) & Sinar Pagi (0000-0700). |
| Pelangi FM/ (91.4FM/91.0FM) | Informasi, berita & ehwal semasa dan hiburan lagu-lagu hits tempatan /antarbangsa | -Bersiaran 24 jam (2 Mei 2007) - Peratusan Siaran: Bahasa Melayu (60%) & Inggeris (40%) -Terpilih stesen nombor satu di Brunei (2001, 2003 , 2005 & 2008) -Segmen: Hello Brunei Darussalam (HBD) (0600-1000) Hiburan 914 (1000-1400) Rentak 2-6 (1400-1800) Irama Pelangi (1800-2000) Hi Pelangi (2000-0000) Pelangi 24/7 (0000-0600) |
| Pilihan FM (95.9FM/96.9FM) | Informasi, berita & ehwal semasa dan lagu-lagu koterporari/hits dan dalam bahasa English, Mandarin dan Gurkha | -Mula bersiaran 1 Januari 1996 - <i>Tag Line (Simply Your Choice!)</i> -Segmen: English (0630-0930), (1100-1600) & (2000-2200) Cina (0830-1100) & (1600-1900) Gurkha (1900-2000) |
| Harmoni FM (94.1FM) | Berita, informasi menjurus kepada keluarga, lagu-lagu dari tahun 50an-90an dan program sukan | -Mula bersiaran 15 Julai 1996 - <i>Tag line</i> (Stesen Keluarga dan Sukan Awda) |
| Nur Islam FM (93.3FM/94.9FM) | Program berbentuk agama dan lagu-lagu hiburan berlandaskan syiar Islam | -Mula bersiaran 2 Mei 1997 - <i>Tag line</i> (Wadah Tarbiah Insani) |

Wawasan Brunei 2035

Wawasan Brunei 2035 yang dirasmikan oleh Sultan Brunei Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah pada Januari 2008 berhasrat menjelang tahun 2035 Negara Brunei Darussalam akan menjadikan sebuah negara yang dikenali di seluruh dunia dengan mempunyai (1) Rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya; (2) Kehidupan rakyat yang berkualiti dan (3) Ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan. Untuk mencapai wawasan tersebut rakyat Brunei Darussalam harus bersatu melalui (1) Kesetiaan kepada Sultan dan Negara; (2) Keyakinan terhadap nilai-nilai Islam dan (3) Keharmonian sosial dan amalan tradisi terbaik.

Dalam mencapai Wawasan Negara Brunei 2035, satu strategi nasional bersepadu dirancang meliputi pelbagai strategi - (1) Pendidikan - mempersiapkan belia dalam dunia kompetitif berteraskan ilmu pengetahuan; (2) Ekonomi- mewujudkan pekerjaan baru dan memperluaskan perusahaan dan perniagaan di luar industri minyak dan gas; (3) Keselamatan - memelihara kestabilan politik dan mempertahankan kedaulatan negara; (4) Pembangunan Institusi - meningkatkan kualiti pentadbiran dan kepimpinan (*governance*) di sektor awam dan swasta dan perkhidmatan awam yang berkualiti tinggi; (5) Pembangunan Perniagaan Tempatan - mempertimbangkan peluang perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan mempermudah rakyat menjadi pemimpin dalam perniagaan dan industri; (6) Pembangunan Infrastruktur - memastikan pelaburan berterusan oleh kerajaan dan menerusi perkongsian sektor awam-swasta; (7) Jaminan Sosial - memastikan negara terus makmur dan (8) Alam Sekitar - memastikan pemuliharaan alam semulajadi dan suasana budaya yang sempurna. Wawasan Brunei 2035 wajar diuar-uarkan melalui radio agar seluruh lapisan masyarakat bersatu mengembeling tenaga mencapai wawasan murni berkenaan.

Melayu Islam Beraja-MIB

Usaha merealisasikan Wawasan Brunei 2035 adalah bertunjangkan Konsep Melayu Islam Beraja (MIB) yang dilancarkan oleh Sultan Brunei Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah pada 1 Januari 1984. Kegiatan kepentingan negara, bangsa, bahasa dan budaya Melayu harus berpaksi prinsip dan nilai-nilai Islam yang berlandaskan Al-Quran dan hadis serta mengutamakan institusi beraja sebagai tonggak sistem pemerintahan Negara Brunei Darussalam. Adalah menjadi tanggungjawab Radio Brunei Darussalam meuar-uarkan Falsafah MIB ini agar semua pihak bersemangat menyokong dan mendukung wawasan suci 2035 Negara Brunei Darussalam.

Perbincangan

Mengenalpasti Kaedah Format Penerbitan Radio Malaysia Sabah dan Radio Brunei Darussalam Dalam Menguar-uar, Mempromosi dan Liputan Wawasan 2020 dan Wawasan Negara Brunei 2035.

Konsep Siaran Slot Terbuka (*Open Slot Concept*)

Konsep siaran slot terbuka biasanya berdurasi 4-6 jam (Michael H. Adam, 1995) yang dikendalikan penyampai radio (*Disc Jockey-DJ*) secara *live* merupakan pendekatan sangat popular sejak tahun 90an bagi mengutarakan topik-topik tertentu di samping menyiarkan lagu-lagu hiburan. Oleh kerana radio mempunyai kuasa terhadap khalayak (McQuail, 1987) dan manusia juga dipercayai boleh dipengaruhi dan dibujuk melalui mesej yang datangnya daripada media massa (Katz & Wdell, 1978), maka konsep siaran slot terbuka ini sangat relevan dan sesuai untuk meuar-uar atau mengupas sesuatu topik yang ke udara, termasuk visi negara. Lazimnya segmen ini bersiaran pada waktu puncak di sebelah pagi dimana khalayak sedang bersiap sedia ke tempat bertugas atau sedang berada dalam kenderaan menuju ke tempat kerja. Ini dapat dilihat dalam segmen *Segar Sabah fm* (0600-1000); *Evolusi Pagi* Sandakan FM (0700-1100); *Rentak Pagi* Tawau FM (0700-1100); *Rentak Segar* Keningau FM (0700-1000). Bagi radio Brunei Darussalam pula terdapat dalam *Ekspresi Pagi* (0700-1000) dalam Nasional FM; *Morning Drive Breakfast Show* (0600-0900) dalam Pilihan FM dan *Hello Brunei Darussalam-HBD* (0600-1000), Pelangi FM. DJ kedua-dua siaran radio masing-masing boleh memanfaatkan segmen ini, menuar-uarkan secara santai dan bersahaja konsep perpaduan dan Rukun Negara dan kaitannya dengan Wawasan 2020 dan rakyat berpendidikan dan berkemahiran tinggi dan kaitannya dengan Wawasan Brunei 2035.

Program Bual Bicara

Bual Bicara adalah program yang mengundang tokoh sebagai tamu bagi membicarakan sesuatu topik/isu yang menjadi perhatian awam. Oleh kerana radio merupakan salah satu saluran terbaik mendedahkan maklumat kepada masyarakat (Schramm, 1964) di samping berperanan menjadi agen perubahan dan sosialisasi (Singhal dan Rogers, 1999), topik-topik seperti konsep 1Malaysia sebagai pemangkin Wawasan 2020 bagi Radio Malaysia Sabah dan konsep MIB bagi Radio Brunei sangat sesuai dikupas dan dibedahbicara melalui program bual bicara. Ini sangat sesuai disebarkan pada sebelah lewat pagi dan waktu petang dalam segmen *Ekspresi Sabah fm* (1000-1400); *Zoom Sandakan FM* (1100-1500); *Syok Layan* Keningau FM (1100-1500) dalam slot *Inspirasi* (1400-1700) dan *Serambi Petang* Nasional FM dan *Rentak 2-6* (1400-1800) Pelangi FM dan juga siaran Bahasa Inggeris dan Cina dalam Pilihan FM.

Rancangan Penyertaan Pendengar

Penyertaan pendengar dalam siaran radio sangat penting dalam mendapatkan maklum balas dan kaedah ini sangat popular dalam siaran radio masakini. Kalau dahulu siaran radio hanya berbentuk sehalu tetapi kini interaktiviti berlaku di antara DJ dan pendengar

menggunakan media yang sama (Markus, 1990). Hubungan timbal balas (Thomson, 1967) di antara punca dengan pendengar serentak menjadikan sesuatu perbincangan lebih menarik dan berkesan ke atas topik-topik perpaduan, pendidikan, kualiti hidup dan kemajuan dan hubung kait dengan Wawasan 2020 dan Wawasan 2035. Ini dapat dilaksanakan dalam semua segmen terutama sekali di sebelah petang seperti segmen *Bah NgamlahTu* (1400-1800) di Sabah FM; *Jom Santai* (1500-1700) Sandakan FM; *Ritma Petang* (1500-1700) Tawau FM; *Santai Petang* (1600-1700) Keningau FM dan bagi Radio Brunei, dalam *Serambi Petang* (1700-2100) di Nasional FM and *Rentak 2-6* (1400-1800); Rancangan *Saya Suka* dan *Talian Minda* dalam Pelangi FM; *Nostalgia, Raja Sehari* dalam Harmoni FM; *Soal Jawab Agama* dalam Nur Islam FM.

Berita Radio

Bilik Berita merupakan tonggak utama stesen radio kerana bertanggung jawab membuat liputan berita radio di dalam dan luar negara. Berita merupakan laporan pantas tentang fakta-fakta atau pendapat yang menarik atau penting atau kedua-duanya sekali bagi kebanyakan orang (Charaley Mitchel, 1965). Penyiaran fakta berita mampu menjadi agen perubahan dan sosialisasi (Singhal & Rogers, 1999). Liputan berita pelbagai perspektif ke atas dasar, strategi, program dan aktiviti-aktiviti berkaitan Wawasan 2020 dan Wawasan 2035 sangat relevan disiarkan untuk memberi peluang keterlibatan audiens menyokong dan mendokong dasar dan polisi visi dan misi kedua-dua negeri Sabah dan Negara Brunei Darussalam.

Sebanyak enam berita tempatan (jam 0630, 0800, 1330, 1630, 1930 dan 2200) disiarkan setiap hari oleh Sabah FM sementara 8 berita tempatan melalui Sabah V FM (Kadazan jam 0600, Cina 0900, Inggeris 1400, Bajau Pantai Barat 1700, Bajau Pantai Timur 1800, Murut 1900 dan Dusun 2100). Bagi stesen daerah Tawau FM (0745) dan Keningau FM (0730) untuk berita tempatan si samping menyambungkan berita Sabah FM jam 0800 pagi dan 1630 petang setiap hari. Berita nasional pula disambung dari Angkaspuri Kuala Lumpur dalam tempoh setiap satu jam. Berita Radio Brunei juga disiarkan dalam jarak tempoh satu jam dan Berita Perdana pada jam 1730 disiarkan Nasional FM dan disambungkan Pilihan FM, Pelangi FM, Harmoni FM dan Nur Islam FM.

Rancangan Drama Sketsa Radio

Drama radio yang disifatkan sebagai teater minda (Tim Crook, 1999) merupakan kaedah penerbitan radio berkesan dalam menyampaikan mesej-mesej tertentu kepada masyarakat. Dalam hubungan meuar-uar, mempromosikan misi dan visi negara, drama radio khas boleh diterbitkan dengan dimensi tujuh elemen-elemen perpaduan, pendidikan, kesihatan, keselamatan, pembangunan dan kemajuan negara masing-masing sesuai dengan peranan

media sebagai agen pembangunan dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, politik, sosial nilai dan budaya (Habermas, 1962). Dapat dilihat drama radio di Brunei diterbitkan oleh Nasional FM, Harmoni FM dan Nur Islam FM (berkisar mengenai agama) sementara di Radio Malaysia Sabah hanya menerbitkan drama radio sempena perayaan-perayaan tertentu saja seperti hari kemerdekaan, hariraya dan sebagainya. Bagaimanapun skesa radio dapat diikuti setiap hari minggu dalam segmen *Itulah Bah* Sabah FM (1530-1545); *Bualan Hujung Minggu* di Tawau FM (0815-830) dan di Sandakan FM (0930-0945). Pengumuman Awam (*Public Service Announcement -PSA*) juga boleh disketsakan bagi menyampaikan intipati mesej yang kreatif dan berkesan dalam bentuk lakonan secara selamba dan bersahaja.

Kapsul

Kapsul (1-2 minit) adalah rakaman sedutan ucapan, kenyataan pendapat seseorang pemimpin, ahli akademik, tokoh-tokoh tertentu terhadap sesuatu topik berkepentingan awam untuk diulangsiar beberapa kali sehari. Pendekatan ini digunakan mengambil kira tiga pilihan audiens apabila mendengar sesuatu mesej (Stanford B. Weinberger, 1974) iaitu mereka hanya mendengar yang menjadi minat mereka (*selective attention*), mendengar mengikut keupayaan mereka (*selective perception*) dan mendengar yang mereka mahu dengar (*selective retention*). Oleh demikian, siaran maklumat pendek dan padat lebih fokus menarik perhatian pendengar kerana berlalu pantas kemudian boleh diulangsiar sepanjang siaran.

Persamaan dan Perbezaan Pendekatan Format Siaran Radio Malaysia Sabah dan Radio Negara Brunei Darussalam.

Persamaan Format Siaran

Persamaan pertama yang ketara dalam format siaran Radio Malaysia Sabah dan Radio Brunei Darussalam ialah siaran dan aplikasi nilai-nilai Islam dalam setiap rangkaian seperti bacaan doa, Al Quran, hadis dan waktu solat fardu. Sebagai negara Islam pembangunan *spiritual* wajar diambilkira agar berjalan seiring dengan pembangunan fizikal negara kerana maklumat dari radio berperanan sebagai pembimbing, pendakwah dan pendidik yang bertanggungjawab dalam kerangka mewujudkan masyarakat yang maju dan beradab (Marina Munira Mutalib, 2011).

Kedua ialah kaedah siaran pelbagai bahasa yang dapat memberi kesan kepada masyarakat setempat (Paredes Milagros, 1976). Di Sabah, siaran Sabah V FM dikhususkan untuk pelbagai etnik seperti Dusun, Kadazan, Bajau dan Murut di samping Bahasa Inggeris, dan Cina sementara di Brunei pula menyiarkan bahasa-bahasa Inggeris, Cina dan Nepal

dalam Pilihan FM. Ini merupakan strategi sesuai untuk mempromosi dan liputan terhadap dasar dan polisi kerajaan melalui pelbagai bahasa di samping mewujudkan hubungan erat pihak berkuasa dan rakyat (Gomes, 1985) agar rakyat mengetahui matlamat dan halatuju negara.

Ketiga, pelaksanaan konsep interaktif menggunakan fasiliti medium komunikasi lain, seperti telefon, komputer, email, internet dapat meluaskan interaktiviti (Holmes, 2012) di antara penyampai dan pendengar. Dalam senario ini DJ boleh menjemput tokoh-tokoh tertentu ke studio untuk bercakap mengenai aspirasi wawasan negara masing-masing dan membuka penyertaan dan berinteraksi dengan pendengar (Castells, 2003).

Keempat, kedua-ke dua stesen radio menyiarkan berita hampir setiap tempoh 1 jam di saluran radio utama. Siaran berita yang berulang mudah difahami dengan huraian berita-berita berkenaan (Anne Dunn, 2009). Kajian-kajian yang dibuat setelah selesai beberapa pilihanraya oleh *British Broadcasting Corporation (BBC)*, *Voice of America (VOA)* dan *Deutsche Welle* menunjukkan sebahagian besar audiens mendengar sesuatu stesen radio kerana ingin mengikuti berita stesen berkenaan (Browne, 1983).

Kelima, kedua-ke dua stesen menyiarkan siaran langsung/lintas langsung dari stesen-stesen daerah di mana Sabah FM meraikan laporan Sandakan FM, Tawau FM dan Keningau FM sementara bagi Rangkaian Nasional FM Brunei pula menerima laporan-laporan daripada RTB Tutong, Kuala Belait dan Temburong. Strategi ini dilihat selaras fungsi radio sebagai wadah menyalurkan maklumat pembangunan kerajaan untuk masyarakat (Adhikarya, 1997) di samping mengeratkan hubungan erat antara pihak berkuasa dengan rakyat (Gomes 1985; Sulaiman Masri 1983; Garnet dan Eiger 1971; dan DeFleur dan Dennis 1981).

Keenam, kedua-dua stesen menyiarkan pengumuman awam (PSA), yang memberikan kesedaran pendengar yang mewajarkan radio sebagai media pembantu pembangunan sosial dalam masyarakat (Salleh dan Saiful, 2000) dan yang ke tujuh kedua-dua stesen Radio Malaysia Sabah dan Radio Brunei Darussalam boleh diikuti melalui internet, telefon pintar dan secara *online*.

Perbezaan Pendekatan Format Siaran

Perbezaan pertama yang ketara ialah setiap rangkaian Radio Brunei Darussalam mempunyai sasaran audiens tertentu. Pelangi FM adalah khusus untuk belia dan remaja, Harmoni FM untuk keluarga dan Nur Islam FM untuk rancangan agama. Di Sabah, Sabah FM, Sandakan FM dan Tawau FM masing-masing bersiaran menggunakan satu saluran, kecuali Sabah VFM yang tertumpu kepada kaum etnik utama Sabah selain bahasa Inggeris dan Cina. Bagi Keningau FM, satu saluran digunakan bersiaran dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Dusun.

Siaran yang tertumpu kepada audiens tertentu dikenali sebagai *narrowcasting* (Lembaga Komunikasi dan Media Australia, 2011) bertujuan mewujudkan *niche* siaran yang berkesan.

Kedua, siaran agama di Radio Brunei dilihat lebih khusus dengan bersiaran langsung dari Masjid Sultan Omar Ali Saifuddin waktu solat fardu magrib, isyak dan subuh dibandingkan dengan Radio Malaysia Sabah hanya membuat siaran langsung fardu jumaat seminggu sekali dari masjid negeri Kota Kinabalu. Ini adalah selaras dengan pelaksanaan konsep MIB disamping melihat radio sebagai medium pendidikan Islam bukan formal yang mempunyai banyak kelebihan (Kholil, 2004), antaranya siaran bersifat langsung yang dapat membantu individu mendapatkan kemahiran dan nilai-nilai yang baik (Sarju, Hamzah & Udin 2010).

Ketiga, Radio Brunei Darussalam dilihat lebih konsisten dengan menyiarkan drama, majalah dan dokumentari radio berbanding dengan Radio Malaysia Sabah yang menyiarkan rancangan-rancangan berkenaan secara berkala. Dengan menyiarkan secara kerap drama, majalah dan dokumentari radio mewajarkan fungsi radio sebagai medium utama membangunkan sosial, mengembangkan ekonomi, membentuk pemikiran masyarakat khususnya di luar bandar (Maesseneer, 1986).

Keempat, Radio Brunei Darussalam dilihat kurang menyiarkan iklan berbanding Radio Malaysia Sabah yang banyak menyiarkan iklan, spot dan tajaan, terutamanya di sepanjang bulan Ramadan dimana hasilnya disalurkan kepada Jabatan Bendahari sebagai pendapatan negara dan kelima, Radio Malaysia Sabah kerap menyiarkan lagu-lagu patriotik selepas setiap siaran berita bagi menyerlahkan nilai-nilai patriotisme seperti kesetiaan, keberanian, rela berkorban, kesukarelaan, cintakan bangsa dan negara (Abd. Rahim Rashid, 2004).

Penutup

Sebagai radio rasmi awam, tidak dinafikan Radio Malaysia Sabah dan Radio Brunei Darussalam memainkan peranan yang sungguh signifikan sebagai jentera pemangkin proses merealisasikan Wawasan 2020 (Malaysia) dan Wawasan 2035 (Brunei). Namun demikian, dogma radio awam sebagai media propoganda pemerintah, masih wujud dan menimbulkan sudut pandang yang berbeza di kalangan masyarakat, khususnya para belia dan remaja kerana mereka lebih berminat mengikuti stesen-stesen radio swasta yang banyak menyiarkan lagu-lagu dan muzik daripada elemen-elemen pembangunan negara bangsa atas sifatnya sebagai organisasi media berorientasi laba dan keuntungan. Ini mungkin tidak

berlaku di Negara Brunei Darussalam kerana setakat ini Brunei hanya mempunyai satu saluran radio komersial (Kristal FM) dan senario ini belum sampai ke tahap menggugat populariti radio awam di kalangan audiens. Namun demikian, Radio Malaysia Sabah dan Radio Brunei Darussalam sudah pasti akan mencari formula keramat memperkasakan format penerbitan dan siaran radio masing-masing agar lebih mantap, kreatif, inovatif dan kemaskini dalam perjuangan merealisasikan matlamat yang telah digarap dalam Wawasan 2020 dan Wawasan Brunei 2035.

Rujukan

- Anne Dunn. 2003. *Telling The Story: Narrative and radio news*. Dalam *Radio:Critical Concepts in Media and Cultural Studies*. London: Routledge.
- Gomez. E.D. 1985. *Penggunaan Stesen Radio Tempatan Dalam Pembangunan Komuniti*. Ter. Samsudin A. Rahim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- John Vivian.2008. *The Media of Mass Communication*. Pearson Education, Inc. Jaafar Kamin.1982. *Media Massa dan Peranan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Jabatan Penyiaran Malaysia. 2006. *RTM 60 tahun, Ria Pesada Tetap Unggul 1946- 2006*. Kuala Lumpur: Radio Television Malaysia
- Jabatan Penyiaran Malaysia Sabah. 2005. *Retrospeksi RTM Sabah 1995-2005*.Kota Kinabalu: RTM Sabah.
- Keith M.C, 1998. *The Radio Station*. Stoneham: Mass. Focal Press
- Robert McLeish. 2002. *Radio Production*. London: Focal Press.
- Peter Mass.2003.*Words, Words, Words : Radio News Discourses and How They Work*. Dalam *Radio: Critical Concepts in Media and Cultural Studies*. London: Routledge.
- Quebral, Nora C. in Jamias, Juan F. 1975. *Development Communication: Readings in Development Communication*. Los Banos: UPLB Department of Development Communication.
- Stanley J. Baran, Dennis K. Davis .1973. *Mass Communication Theory*. Canada: Thomson Wardsworth.
- Tim Crook. 1999. *Radio Drama Theory and Practice*. London: Routledge. Brunei Yearbook 2013.
- <http://www.malaysia.gov.my/web/guest>, diakses pada 7 Julai 2015.
- <http://www.rtb.gov.bn/>, diakses pada 16 Julai 2015.

http://www.bedb.com.bn/why_wawasan2035.html, diakses pada 23 Julai 2015.

<http://www.borneobulletinyearbook.com.bn/e-bbyb2013/index.html#/5/zoomed>, diakses pada 6 Ogos 2015.

https://ms.wikipedia.org/wiki/Radio_Televisyen_Malaysia, diakses pada 8 Ogos 2015.

<http://pmr.penerangan.gov.my/>, diakses pada 3 September 2015.

http://www.artgallery.com.bn/National_day/?page_id=289, diakses pada 7 September 2015.